

APA YANG PERLU SAYA LAKUKAN

Jika anda mempunyai masalah yang disebutkan diatas, anda dinasihatkan berjumpa dengan doctor anda. Doktor akan membuat pemeriksaan atau merujuk ke Jabatan berkenaan dengan penyakit anda supaya pemeriksaan lanjut dapat dijalankan. Sedikit tisu akan diambil untuk pengesahan jenis penyakit anda. Rawatan penyakit anda bergantung pada jenis barah yang ditemui dan tahap barah tersebut. Ada 3 kemungkinan untuk rawatan barah iaitu:

- a. Pembedahan.
- b. Radioterapi
- c. Kemoterapi.
- d. Gabungan diantara pilihan diatas.

Jika anda datang pada peringkat awal, besar kemungkinan penyakit barah anda dapat disembuhkan. Jika anda datang agak lewat, gabungan daripada rawatan diatas adalah yang terbaik. Anda dinasihatkan supaya mengikut nasihat doctor anda. Kesan sampingan daripada rawatan memang ada, tetapi kebanyakan pesakit yang menerima rawatan ini boleh mengatasi kesan sampingan ini. Jika mereka boleh, kenapa tidak pada anda.

SAYANGI DIRI ANDA. JIKA ANDA MELEWATKAN DIRI UNTUK MENDAPATKAN RAWATAN, TIADA SIAPA YANG AKAN RUGI KECUALI DIRI ANDA. INGATLAH, MENCEGAH ITU LEBIH BAIK DARI MERAWAT.



Hubungi kami:

Jabatan Pembedahan Otorinolaringologi
Kepala dan Leher,

Hospital Melaka.

Tel: 06-2892693

TANDA- TANDA AWAL
BARAH MULUT, HIDUNG,
TELINGA DAN TEKAK



**JABATAN
PEMBEDAHAN
OTORINOLARINGOLOGI
KEPALA DAN
LEHER**

BAGAIMANA MENGENAL

PENYAKIT BARAH

Penyakit barah adalah satu ketumbuhan yang tidak normal pada badan manusia. Bergantung kepada jenis penyakit barah, ada yang merebak secara agresif dan ada yang membesar secara perlahan. Kebanyakan penyakit ini mempunyai tanda-tanda seperti adanya luka yang tidak sembuh, pembengkakan pada bahagian tertentu anggota badan, pendarahan yang sukar berhenti, dan perubahan pada suara atau pendengaran. Jika anda ke Hospital, sedikit tisu akan diambil untuk dibuat pemeriksaan sebelum disahkan jenis barah yang anda hidapi.

BARAH MULUT



Pesakit yang mengalami barah jenis ini selalunya mengeluh sakit mulut yang teruk, luka yang tidak sembuh, kurang selera makan dan susut tubuh badan. Kadang-kadang terdapat pembengkakan system limpa di leher, susah menelan dan bau busuk yang tidak boleh ditahan.

BARAH HIDUNG



Barah hidung terbahagi kepada tiga iaitu bahagian luar, Sinus dan pangkal hidung. Presentasi ketiga-tiga barah ini berbeza. Barah bahagian luar hidung boleh dilihat sebagai luka yang tidak sembuh atau tahi lalat yang membesar dengan cepat.

Barah sinus sukar dikesan awal kecuali pesakit mengadu mengalami bau busuk, keluar cecair dari hidung bercampur darah dan hidung tersumbat. Kadang-kadang juga pesakit mengadu bengkak di pipi, penglihatan kabur, gigi yang longgar dan bengkak pada langit-langit.

Barah pangkal hidung pula kebanyakannya dialami oleh kaum cina. Selain daripada hidung berdarah atau tersumbat, pesakit juga mengalami penglihatan kabur, telinga bermanah atau kurang pendengaran dan pembengkakan kelenjar di leher.

BARAH TELINGA.

Barah ini jarang ditemui. Pesakit biasanya akan mengadu kurang pendengaran, bengkak dan berdarah didalam telinga,

muka yang senget sebelah, kepala berpusing atau muntah-muntah dan sakit kepala yang teruk.

BARAH TEKAK



Pesakit yang mengalami barah ini mengadu perubahan suara dan batuk yang berpanjangan. Saluran pernafasan menjadi sempit dan berbunyi. Mereka sukar bernafas dan ada pembengkakan pada leher. Barah ini biasa terjadi pada pesakit yang merokok.

PUNCA BARAH DIATAS

Kebanyakan barah tidak diketahui puncanya. Tetapi ada yang dikaitkan dengan factor genetic/keturunan seperti Barah Pangkal Hidung. Lain-lain punca adalah seperti amalan merokok, minuman beralkohol, makan sirih, kapur atau gambir, Penjagaan mulut yang tidak sempurna, jangkitan virus dan sebagainya.